

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

AKAUN NEGARA
NATIONAL ACCOUNTS

**PERUSAHAAN MIKRO,
KECIL DAN SEDERHANA**
*MICRO, SMALL AND
MEDIUM ENTERPRISES*

2025

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES

2025

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung **dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.*

***OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
E-mel / <i>E-mail</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ <i>general enquiries</i>)
	:	data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / Price : RM15.00

Diterbitkan pada Julai 2026 / *Published on July 2026*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2948 - 4146

KATA PENGANTAR

Penerbitan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membentangkan statistik yang meliputi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Eksport, Guna Tenaga dan Produktiviti dari tahun 2015 hingga 2025. Penyusunan ini menggunakan konsep yang disarankan oleh Sistem Akaun Negara 2008.

Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan ringkasan penemuan bagi keseluruhan statistik PMKS diikuti bahagian kedua, mengandungi jadual statistik terperinci. Sementara itu, bahagian ketiga merangkumi aspek teknikal, termasuk skop dan liputan, konsep dan definisi serta sumber data.

Statistik ini dapat membantu agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi dan unjuran serta dapat membantu merancang pembangunan perniagaan terutamanya bagi PMKS.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Sebarang maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amat dihargai.

SITI ASIAH AHMAD

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2026

PREFACE

The Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) publication presents statistics on Gross Domestic Product (GDP), Exports, Employment and Productivity for MSMEs from 2015 to 2025. This compilation adopts the concepts recommended by the System of National Accounts 2008.

This publication is divided into three parts. The first part displays the summary of findings for the MSMEs' statistics, followed by the second part, which provides detailed statistical tables. Meanwhile, the third part covers technical aspects, including scope and coverage, concepts and definitions, as well as data sources.

These statistics could assist government agencies, economists, academicians, and individuals in the planning and formulation of policies, economic analysis and projections as well as business development planning for MSMEs.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required data and contributed to the success of this publication. Feedback and suggestions for improving future publication are highly appreciated.

SITI ASIAH AHMAD
Chief Statistician Malaysia

July 2026

ISI KANDUNGAN

CONTENTS

Muka surat /
pages

i

Kata Pengantar
Preface

01

Ringkasan Penemuan
Summary of Findings

17

Jadual Statistik
Statistical Tables

19

1A KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa
- RM Juta
Malaysia's GDP by Kind of Economic Activity at Current Prices
- RM Million

19

1B Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa
- RM Juta
Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Current Prices
- RM Million

20

2A KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015
- RM Juta
Malaysia's GDP by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices
- RM Million

20

2B Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015
- RM Juta
Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices
- RM Million

21

3A KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa
- Perubahan Peratusan Tahunan
Malaysia's GDP by Kind of Economic Activity at Current Prices
- Annual Percentage Change

21

3B Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa
- Perubahan Peratusan Tahunan
Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Current Prices
- Annual Percentage Change

22

4A KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015
- Perubahan Peratusan Tahunan
Malaysia's GDP by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices
- Annual Percentage Change

22

4B Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015
- Perubahan Peratusan Tahunan
Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices
- Annual Percentage Change



ISI KANDUNGAN

CONTENTS

Muka surat /
pages

23	5	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa - RM Juta <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Current Prices</i> - RM Million
24	6	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015 - RM Juta <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices</i> - RM Million
25	7	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa - Perubahan Peratusan Tahunan <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Current Prices</i> - Annual Percentage Change
26	8	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015 - Perubahan Peratusan Tahunan <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices</i> - Annual Percentage Change
27	9	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa - Peratus Sumbangan kepada KDNK Malaysia <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Current Prices</i> - Percentage Share to Malaysia's GDP
28	10	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015 - Peratus Sumbangan kepada KDNK Malaysia <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices</i> - Percentage Share to Malaysia's GDP
29	11	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa - Peratus Sumbangan kepada Sektor <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Current Prices</i> - Percentage Share to Sector
30	12	Nilai Ditambah PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015 - Peratus Sumbangan kepada Sektor <i>Value Added of MSMEs by Kind of Economic Activity at Constant 2015 Prices</i> - Percentage Share to Sector
31	13A	Eksport PMKS Barangan dan Perkhidmatan - RM Bilion <i>MSMEs' Exports of Goods and Services - RM Billion</i>
31	13B	Eksport PMKS Barangan dan Perkhidmatan - Perubahan Peratusan Tahunan <i>MSMEs' Exports of Goods and Services - Annual Percentage Change</i>
31	13C	Eksport PMKS Barangan dan Perkhidmatan - Peratus Sumbangan kepada Jumlah Eksport Barangan dan Perkhidmatan <i>MSMEs' Exports of Goods and Services</i> - Percentage Share to Total of Exports Goods and Services



ISI KANDUNGAN

CONTENTS

Muka surat / pages

32	14A Guna Tenaga Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - ('000) <i>Malaysia's Employment by Kind of Economic Activity - ('000)</i>
32	14B Guna Tenaga Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - Perubahan Peratusan Tahunan <i>Malaysia's Employment by Kind of Economic Activity - Annual Percentage Change</i>
33	14C Guna Tenaga PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - ('000) <i>MSMEs' Employment by Kind of Economic Activity - ('000)</i>
33	14D Guna Tenaga PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - Perubahan Peratusan Tahunan <i>MSMEs' Employment by Kind of Economic Activity - Annual Percentage Change</i>
34	14E Guna Tenaga PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - Peratus Sumbangan kepada Guna Tenaga Malaysia <i>MSMEs' Employment by Kind of Economic Activity - Percentage Share to Malaysia's Employment</i>
34	14F Guna Tenaga PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - Peratus Sumbangan kepada Guna Tenaga PMTK <i>MSMEs' Employment by Kind of Economic Activity - Percentage Share to MSMEs' Employment</i>
35	14G Produktiviti Buruh PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - (RM) <i>MSMEs' Labour Productivity by Kind of Economic Activity - (RM)</i>
35	14H Produktiviti Buruh PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi - Perubahan Peratusan Tahunan <i>MSMEs' Labour Productivity by Kind of Economic Activity - Annual Percentage Change</i>

37

Nota Teknikal
Technical Notes



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) 2025



PRESTASI KDNK 2025

(pada harga malar 2015)

KDNK MALAYSIA

5.2%

RM1,737.0b



KDNK PMKS

5.7%

RM689.8b



KDNK BUKAN PMKS

4.8%

RM1,047.2b



Sumbangan PMKS kepada KDNK


39.7%

b merujuk kepada bilion

Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK PMKS Malaysia pada Harga Malar 2015

PRESTASI KDNK PMKS

KDNK PMKS meningkat
5.7% pada tahun 2025
dengan sumbangan
sebanyak **39.7%**.



PRESTASI PMKS



KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)



Sumbangan:
39.7%

5.7% (2024: 5.9%)

GUNA TENAGA



Sumbangan:
48.7%

1.5% (2024: 1.4%)

EKSPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN



Sumbangan:
14.7%

10.5% (2024: 29.5%)

Sektor	Sumbangan	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Pertanian	54.7%	1.8% (2024: 3.1%)
Pembinaan	48.7%	12.0% (2024: 17.5%)
Perkhidmatan	43.2%	5.7% (2024: 5.7%)
Pembuatan	34.2%	4.8% (2024: 5.0%)
Perlombongan & pengkuarian	3.2%	4.4% (2024: 4.8%)

Sektor	Sumbangan	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Perkhidmatan	50.9%	2.2% (2024: 1.8%)
Pembinaan	48.4%	1.1% (2024: 0.4%)
Pembuatan	45.6%	0.02% (2024: 1.4%)
Pertanian	41.9%	-0.3% (2024: -0.5%)
Perlombongan & pengkuarian	27.7%	-0.3% (2024: 1.8%)

Sektor	Sumbangan	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Pembuatan	61.9%	8.8% (2024: 7.9%)
Perkhidmatan	36.5%	14.0% (2024: 106.6%)
Pertanian	1.6%	1.0% (2024: -4.1%)

Nota: Perubahan peratusan tahunan

Sumber: Akaun Negara, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

BANI 26
BANKI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
Kemampanan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KECUPAT PERKUALA
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030



MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (MSMEs) 2025



GDP PERFORMANCE 2025 (at constant 2015 prices)

Malaysia's GDP

5.2%

RM1,737.0b



MSMEs' GDP

5.7%

RM689.8b



Non-MSMEs' GDP

4.8%

RM1,047.2b



MSMEs' Contribution to GDP


39.7%

b refers to billion

Value and Growth Rate of Malaysia's MSMEs' GDP at Constant 2015 Prices


PERFORMANCE OF MSME'S GDP

MSMEs' GDP increased by **5.7%** in 2025 with a contribution of **39.7%**.



PERFORMANCE OF MSMEs

GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP)



5.7% (2024: 5.9%)

Sector	Share	Annual percentage change
Agriculture	54.7%	1.8% (2024: 3.1%)
Construction	48.7%	12.0% (2024: 17.5%)
Services	43.2%	5.7% (2024: 5.7%)
Manufacturing	34.2%	4.8% (2024: 5.0%)
Mining & quarrying	3.2%	4.4% (2024: 4.8%)

EMPLOYMENT



1.5% (2024: 1.4%)

Sector	Share	Annual percentage change
Services	50.9%	2.2% (2024: 1.8%)
Construction	48.4%	1.1% (2024: 0.4%)
Manufacturing	45.6%	0.02% (2024: 1.4%)
Agriculture	41.9%	-0.3% (2024: -0.5%)
Mining & quarrying	27.7%	-0.3% (2024: 1.8%)

EXPORTS OF GOODS AND SERVICES



10.5% (2024: 29.5%)

Sector	Share	Annual percentage change
Manufacturing	61.9%	8.8% (2024: 7.9%)
Services	36.5%	14.0% (2024: 106.6%)
Agriculture	1.6%	1.0% (2024: -4.1%)

Nota: Annual percentage change

Source: National Accounts, Micro, Small and Medium Enterprises, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



PENGENALAN


Penerbitan ini melaporkan prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) berkaitan sumbangan PMKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Eksport dan Guna Tenaga bagi tahun 2025. Statistik PMKS ini disusun berdasarkan definisi PMKS yang ditetapkan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK).

PRESTASI KDNK PMKS 2025

KDNK PMKS Malaysia meningkat 5.7 peratus pada tahun 2025 daripada 5.9 peratus yang direkodkan pada tahun 2024. Prestasi ini melebihi kadar pertumbuhan KDNK Malaysia dan KDNK Bukan PMKS yang masing-masing berkembang 5.2 peratus dan 4.8 peratus seperti yang ditunjukkan di **Carta 1**.

Carta 1

KDNK: Malaysia, PMKS dan Bukan PMKS bagi 2001-2025 pada Harga Malar - Perubahan Peratusan Tahunan

**Nota:**

¹Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PMKS bagi 2013

²Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PMKS bagi 2013


³Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PMKS bagi 2013

⁴Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PMKS bagi 2013

PMKS menyumbang 39.7 peratus (2024: 39.5%) kepada KDNK Malaysia dengan nilai ditambah RM689.8 bilion (2024: RM652.8 bilion) seperti yang ditunjukkan pada **Carta 2**. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan terus menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan KDNK PMKS dengan jumlah sumbangan sebanyak 84.5 peratus. Nilai semasa KDNK PMKS berjumlah RM812.1 bilion pada tahun 2025 berbanding RM762.9 bilion pada tahun sebelumnya.

Carta 2


Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan KDNK PMKS kepada KDNK Malaysia bagi 2018-2025 pada Harga Malar 2015



Prestasi nilai ditambah PMKS dalam sektor **Perkhidmatan** kekal pada 5.7 peratus pada tahun 2025. Sementara itu, sektor **Pembuatan** dan **Pertanian** merekodkan pertumbuhan yang lebih sederhana, masing-masing sebanyak 4.8 peratus (2024: 5.0%) dan 1.8 peratus (2024: 3.1%). Sektor **Pembinaan** terus mencatatkan pertumbuhan dua digit pada 12.0 peratus berbanding 17.5 peratus pada tahun 2024, manakala sektor **Perlombongan & pengkuarian** bertumbuh lebih perlahan daripada 4.8 peratus kepada 4.4 peratus. Perubahan peratusan tahunan KDNK PMKS mengikut jenis aktiviti ekonomi seperti di **Paparan 1**.

Paparan 1

Perubahan Peratusan Tahunan KDNK PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi bagi 2023-2025 pada Harga Malar 2015



Prestasi PMKS dalam sektor **Perkhidmatan** disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor, terutamanya Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan pada 5.0 peratus (2024: 4.5%); Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan pada 6.6 peratus (2024: 8.2%); dan Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi pada 7.7 peratus (2024: 8.6%).


Pertumbuhan bagi sektor **Pembuatan** disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman dan tembakau yang bertumbuh sebanyak 9.6 peratus berbanding 5.3 peratus pada tahun sebelumnya. Selain itu, kedua-dua Pembuatan lain dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka masing-masing mencatatkan peningkatan 4.7 peratus pada tahun 2025.

Prestasi sektor **Pertanian** disumbangkan terutamanya oleh subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan dan pertanian lain yang bertumbuh 2.3 peratus (2024: 3.6%), manakala subsektor Perikanan dan Pembalakan & perhutanan masing-masing menyusut 0.1 peratus (2024: 3.6%) dan 0.3 peratus (2024: -13.9%).

KOMPOSISI KDNK PMKS MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

Sektor Perkhidmatan kekal mendominasi aktiviti PMKS dengan sumbangan 64.8 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 19.8 peratus (**Paparan 2**). Sektor Pertanian pula menyumbang sebanyak 8.4 peratus kepada KDNK PMKS. Sementara itu, sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 5.3 peratus dan 0.5 peratus.

Paparan 2 Peratus Sumbangan KDNK Malaysia dan PMKS bagi 2025 pada Harga Malar 2015




Nota: Tidak termasuk duti import

SUMBANGAN KDNK PMKS MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

Berdasarkan sumbangan KDNK PMKS mengikut jenis aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian mencatatkan peningkatan pada tahun 2025. Sumbangan PMKS kepada KDNK dalam sektor Perkhidmatan berkembang kepada 43.2 peratus daripada 43.1 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor ini disumbangkan terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Begitu juga dengan sektor Pembuatan yang meningkat kepada 34.2 peratus (2024: 34.1%) disokong oleh subsektor Pembuatan lain. KDNK PMKS dalam sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan sumbangan 3.2 peratus meningkat sedikit berbanding 3.1 peratus pada tahun sebelumnya. Tambah lagi, sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing mencatatkan sumbangan 54.7 peratus (2024: 54.9%) dan 48.7 peratus (2024: 48.8%) pada tahun 2025 seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 3**.

Paparan 3 Peratus Sumbangan KDNK PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi bagi 2024-2025 pada Harga Malar 2015




PRESTASI EKSPORT PMKS 2025

Eksport PMKS merekodkan peningkatan 10.5 peratus pada tahun 2025 (2024: 29.5%) dengan nilai RM214.5 bilion berbanding RM194.1 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi tersebut diterajui oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan yang masing-masing meningkat sebanyak 8.8 peratus (2024: 7.9%) dan 14.0 peratus (2024: 106.6%) seperti yang ditunjukkan di **Carta 3**. Dari segi sumbangan, eksport PMKS merangkumi 14.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2025, terdiri daripada sektor Pembuatan (9.1%), Perkhidmatan (5.3%) dan Pertanian (0.2%).

Eksport PMKS dalam sektor **Perkhidmatan** meningkat daripada RM68.6 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM78.2 bilion pada tahun 2025, didorong terutamanya oleh Perjalanan. Selain itu, Perkhidmatan perniagaan lain; serta Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat juga merupakan komponen utama eksport PMKS pada tahun ini.

Carta 3

Peratus Sumbangan dan Perubahan Peratusan Tahunan Eksport PMKS mengikut Sektor bagi 2018-2025




Sementara itu, sektor **Pembuatan** mencatatkan eksport PMKS bernilai RM132.7 bilion pada tahun 2025, meningkat daripada RM122.0 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh jentera & kelengkapan pengangkutan, pelbagai barang keluaran kilang dan barang-barang keluaran kilang dengan sumbangan 61.1 peratus pada tahun 2025. Destinasi utama untuk eksport PMKS bagi sektor Pembuatan adalah Singapura yang menyumbang 17.7 peratus, diikuti oleh Amerika Syarikat (15.1%) dan China (12.0%).

Sektor **Pertanian** mencatatkan eksport PMKS bernilai RM3.54 bilion pada tahun 2025 berbanding RM3.50 billion pada tahun sebelumnya, dengan peningkatan marginal 1.0 peratus. Peningkatan ini disokong eksport durian yang meningkat 13.2 peratus, buah-buahan tempatan lain 9.0 peratus dan sayur-sayuran 0.2 peratus. Sementara itu, eksport perikanan termasuk ikan hiasan serta ayam/itik mencatatkan penurunan pada tahun 2025.

PRESTASI GUNA TENAGA PMKS 2025

Guna tenaga PMKS terus mencatatkan peningkatan tahun ke tahun pada tahun 2025 dengan kadar 1.5 peratus (2024: 1.4%). Pertumbuhan guna tenaga PMKS adalah lebih tinggi berbanding guna tenaga nasional dan guna tenaga Bukan PMKS yang mana masing-masing meningkat 1.1 peratus dan 0.8 peratus. Dari segi bilangan, guna tenaga PMKS meningkat sebanyak 118 ribu orang dengan jumlah 8.09 juta orang (2024: 7.97 juta orang). Sehubungan itu, guna tenaga PMKS merangkumi sebanyak 48.7 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga Malaysia (2024: 48.5%) seperti yang ditunjukkan pada **Carta 4**.

Carta 4 Bilangan dan Perubahan Peratusan Tahunan Guna Tenaga bagi 2018-2025



GUNA TENAGA PMKS MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

Dalam sektor **Pertanian**, guna tenaga PMKS menyumbang sebanyak 41.9 peratus (2024: 42.1%) daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor Pertanian untuk merekodkan 789 ribu orang pada tahun 2025. Bilangan guna tenaga PMKS dalam sektor Pertanian menurun 0.3 peratus, berbanding penurunan 0.5 peratus pada tahun 2024.

Pada masa yang sama, sumbangan guna tenaga PMKS dalam sektor **Perlombongan & pengkuarian** adalah sebanyak 27.7 peratus pada tahun 2025, dengan bilangan seramai 21 ribu orang pada tahun tersebut. Guna tenaga PMKS dalam sektor ini mencatatkan penurunan 0.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.


Bagi sektor **Pembuatan**, guna tenaga PMKS adalah seramai 1.30 juta orang, merangkumi 45.6 peratus daripada jumlah guna tenaga dalam sektor ini (2024: 45.9%). Walaupun terdapat penurunan bagi peratus sumbangan, bilangan guna tenaga PMKS dalam sektor ini meningkat 0.02 peratus, berbanding 1.4 peratus pada tahun 2024. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan positif dalam kebanyakan subsektor, terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal yang meningkat 5.3 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

Tambahan pula, dalam sektor **Pembinaan**, guna tenaga PMKS menyumbang 48.4 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini (2024: 48.2%), dengan jumlah sebanyak 685 ribu orang. Guna tenaga dalam sektor ini meningkat sebanyak 1.1 peratus pada 2025, berbanding 0.4 peratus pada tahun sebelumnya.

Bagi sektor **Perkhidmatan**, guna tenaga PMKS mencatatkan sejumlah 5.30 juta orang, menyumbang 50.9 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini (2024: 50.6%). Berdasarkan pertumbuhan tahun ke tahun, guna tenaga meningkat sebanyak 2.2 peratus pada 2025, berbanding 1.8 peratus pada 2024.

Secara keseluruhan, guna tenaga PMKS kekal tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, menyumbang 65.4 peratus daripada keseluruhan guna tenaga PMKS yang meningkat sebanyak 0.3 mata peratus daripada 65.1 peratus pada tahun sebelumnya. Diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 16.0 peratus, manakala sektor Pertanian yang menyumbang 9.8 peratus. Sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 8.5 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang hanya 0.3 peratus (**Paparan 4**).

Paparan 4 Guna Tenaga PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi bagi 2024-2025




PRODUKTIVITI BURUH PMKS 2025

Produktiviti buruh PMKS meningkat 4.1 peratus pada tahun 2025 untuk mencatatkan nilai produktiviti sebanyak RM85,299 per pekerja (2024: RM81,931 per pekerja). Pada tempoh tersebut, pertumbuhan produktiviti buruh PMKS adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan produktiviti buruh nasional dan Bukan PMKS yang mana masing-masing mencatatkan 4.0 peratus. Walau bagaimanapun, dari segi nilai, PMKS adalah secara konsistennya lebih rendah daripada Malaysia (RM104,556 per pekerja) dan Bukan PMKS (RM122,818 per pekerja) seperti dipaparkan pada **Carta 5**.

Carta 5

Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan Produktiviti Buruh bagi 2018-2025

Produktiviti buruh (RM)



Semua sektor merekodkan produktiviti yang lebih tinggi pada tahun 2025. Sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan tertinggi dengan 10.8 peratus (2024: 17.0%), diikuti oleh sektor Pembuatan dengan peningkatan produktiviti sebanyak 4.8 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan peningkatan 4.7 peratus. Manakala, sektor Perkhidmatan dan Pertanian masing-masing mencatatkan peningkatan 3.5 peratus dan 2.1 peratus, berbanding tahun sebelumnya (**Paparan 5**).

Paparan 5

Produktiviti Buruh PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi bagi 2024-2025

Produktiviti buruh PMKS (RM)	2025				
	73,781	149,836	105,347	53,033	84,351
Perubahan peratusan tahunan (%)	2024				
	72,229	143,169	100,539	47,867	81,516
					
	Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
	2025				
	2.1	4.7	4.8	10.8	3.5
	2024				
	3.7	3.0	3.6	17.0	3.8

INTRODUCTION


This publication reports on the performance of Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) in terms of their contribution to Gross Domestic Product (GDP), Exports and Employment for the year 2025. MSME statistics are compiled based on the MSMEs' definition established by the National Entrepreneur Development and MSME Council (MPUPK).

PERFORMANCE OF MSMEs' GDP, 2025

The GDP of Malaysia's MSMEs increased by 5.7 per cent in 2025 from 5.9 per cent growth recorded in 2024. The performance surpassed the growth of Malaysia's GDP and Non-MSMEs' GDP, which expanded by 5.2 per cent and 4.8 per cent, respectively, as shown in **Chart 1**.

Chart 1

**GDP: Malaysia, MSMEs and Non-MSMEs for 2001-2025 at Constant Prices
- Annual Percentage Change**



Notes:

¹Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 Old MSMEs' Definition

²Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 New MSMEs' Definition


³Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 Old MSMEs' Definition

⁴Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 New MSMEs' Definition

The MSMEs contributed 39.7 per cent (2024: 39.5%) to Malaysia's GDP, with a value added of RM689.8 billion (2024: RM652.8 billion), as shown in **Chart 2**. The Services and Manufacturing sectors continued to be the main drivers of MSMEs' GDP growth, accounting for a total contribution of 84.5 per cent. MSMEs' GDP at current prices amounted to RM812.1 billion in 2025, as compared to RM762.9 billion in the previous year.

Chart 2


Value Added and Percentage Share of MSMEs' GDP to Malaysia's GDP for 2018-2025 at Constant 2015 Prices



The performance of MSMEs' value added in the **Services** sector sustained at 5.7 per cent in 2025. Meanwhile, the **Manufacturing** and **Agriculture** sectors recorded moderate growth of 4.8 per cent (2024: 5.0%) and 1.8 per cent (2024: 3.1%), respectively. The **Construction** sector continued to register a double-digit growth at 12.0 per cent as compared to 17.5 per cent in 2024, while the **Mining & quarrying** sector grew slower from 4.8 per cent to 4.4 per cent. The annual percentage change of MSMEs' GDP by kind of economic activities as illustrated in Exhibit 1.

Exhibit 1

Annual Percentage Change of MSMEs' GDP by Kind of Economic Activity for 2023-2025 at Constant 2015 Prices



The MSMEs performance in the **Services** sector was supported by positive growth across all sub-sectors, particularly Wholesale & retail trade, food & beverages and accommodation at 5.0 per cent (2024: 4.5%); Finance, insurance, real estate and business services at 6.6 per cent (2024: 8.2%); and Transportation & storage and information & communication at 7.7 per cent (2024: 8.6%).


The **Manufacturing** sector's growth was supported by the Food, beverages and tobacco sub-sector, which grew by 9.6 per cent as compared to 5.3 per cent increase in the previous year. Furthermore, the Other manufacturing and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products, both recorded growth of 4.7 per cent in 2025.

The performance of the **Agriculture** sector was mainly driven by the Rubber, oil palm, livestock and other agriculture sub-sector which grew 2.3 per cent (2024: 3.6%), while the Fishing and Forestry & logging sub-sectors contracted 0.1 per cent (2024: 3.6%) and 0.3 per cent (2024: -13.9%), respectively.

COMPOSITION OF MSMEs' GDP BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

The Services sector continued to dominate MSMEs' activities with a share of 64.8 per cent, followed by the Manufacturing sector with 19.8 per cent (**Exhibit 2**). The Agriculture sector contributed 8.4 per cent to MSMEs' GDP. Meanwhile, the Construction and Mining & quarrying sectors contributed 5.3 per cent and 0.5 per cent, respectively.

Exhibit 2 Percentage Share of Malaysia and MSMEs' GDP for 2025 at Constant 2015 Prices




Note: Exclude import duties

CONTRIBUTION OF MSMEs' GDP BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

Based on the contribution of MSMEs' GDP by kind of economic activity, the Services, Manufacturing and Mining & quarrying sectors recorded an increase in 2025. The share of MSME to GDP in the Services sector increased to 43.2 per cent from 43.1 per cent in the previous year. The sector was mainly contributed by Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation sub-sector. Similarly, the Manufacturing sector increased to 34.2 per cent (2024: 34.1%) supported by Other manufacturing sub-sector. MSMEs' GDP in the Mining & quarrying sector recorded a share of 3.2 per cent, increasing slightly from 3.1 per cent in the preceding year. Furthermore, Agriculture and Construction sectors recorded contributions of 54.7 per cent (2024: 54.9%) and 48.7 per cent (2024: 48.8%), respectively, in 2025, as portrayed in **Exhibit 3**.

Exhibit 3 Percentage Share of MSMEs' GDP by Kind of Economic Activity for 2024-2025 at Constant 2015 Prices




PERFORMANCE OF MSMEs' EXPORTS, 2025

Exports of MSMEs recorded an increase of 10.5 per cent in 2025 (2024: 29.5%) with a value of RM214.5 billion as compared to RM194.1 billion in the preceding year. The performance was led by the Manufacturing and Services sector which increased by 8.8 per cent (2024: 7.9%) and 14.0 per cent (2024: 106.6%), as shown in **Chart 3**. In terms of contribution, exports of MSMEs represented 14.7 per cent of the total exports in 2025, comprising the Manufacturing (9.1%), Services (5.3%) and Agriculture (0.2%) sectors.

Chart 3

Percentage Share and Annual Percentage Change of MSMEs' Exports by Sector for 2018-2025



MSMEs' exports in the **Services** sector increased from RM68.6 billion in the previous year to RM78.2 billion in 2025, mainly driven by Travel. In addition, Other business services; and Telecommunication, computer & information services were also major components of MSMEs exports during the year.

Meanwhile, the **Manufacturing** sector recorded MSMEs' exports valued at RM132.7 billion in 2025, increased from RM122.0 billion in the previous year. This expansion was mainly contributed by machinery & transport equipment, miscellaneous manufactured articles, and manufactured goods with a share of 61.1 per cent in 2025. The main destinations for MSMEs' exports for the Manufacturing sector were Singapore, which constituted of 17.7 per cent, followed by the United States (15.1%) and China (12.0%).


The **Agriculture** sector recorded exports of MSMEs worth RM3.54 billion in 2025 as compared to RM3.50 billion in the previous year, with a marginal increase of 1.0 per cent. This increase was supported by exports of durian which increased by 13.2 per cent, other local fruits by 9.0 per cent and vegetables by 0.2 per cent. Meanwhile, exports of fisheries including ornamental fish and chicken/duck recorded a decrease in 2025.

PERFORMANCE OF MSMEs' EMPLOYMENT, 2025

The employment in MSMEs continued to register a year-on-year increase in 2025, with rate of 1.5 per cent (2024: 1.4%). The growth of MSMEs' employment outpaced national employment and Non-MSMEs' employment which rose by 1.1 per cent and 0.8 per cent, respectively. In terms of numbers, MSMEs' employment increased by 118 thousand persons to a total of 8.09 million persons (2024: 7.97 million persons). As a result, MSMEs accounted for 48.7 per cent of Malaysia's total employment (2024: 48.5%) as shown in **Chart 4**.

Chart 4

Number and Annual Percentage Change of Employment for 2018-2025



MSMEs' EMPLOYMENT BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

In the **Agriculture** sector, MSMEs' employment contributed 41.9 per cent (2024: 42.1%) to overall sectoral employment, employing 789 thousand persons in 2025. Employment in this sector declined by 0.3 per cent, as compared to a decline of 0.5 per cent in 2024.

In the meantime, the contribution of MSMEs' employment in the **Mining & quarrying** sector was 27.7 per cent in 2025, with a total of 21 thousand persons during the year. MSMEs' employment in this sector posted a slight decrease of 0.3 per cent as compared to the previous year.


For the **Manufacturing** sector, MSMEs employed 1.30 million persons, representing 45.6 per cent of total employment in this sector (2024: 45.9%). Although the share slightly declined, the number of MSMEs' employment in this sector increased by 0.02 per cent as compared to 1.4 per cent in 2024. This growth was supported by positive performance for most sub-sectors, particularly the **Electrical, electronic and optical products** sub-sector, which expanded by 5.3 per cent as compared to the previous year.

Furthermore, in the **Construction** sector, MSMEs' employment contributed 48.4 per cent of the sector's employment (2024: 48.2%), with a total of 685 thousand persons. Employment in this sector grew by 1.1 per cent in 2025 as compared to 0.4 per cent in the previous year.

As for the **Services** sector, MSMEs' employment recorded a number of 5.30 million persons, making up 50.9 per cent of the sector's total employment (2024: 50.6%). Based on year-on-year growth, employment grew by 2.2 per cent in 2025 as compared to 1.8 per cent in 2024.

Overall, MSMEs' employment remained concentrated in the **Services** sector, comprising 65.4 per cent of total MSMEs' employment which increased by 0.3 percentage points from 65.1 per cent in the previous year. The **Manufacturing** sector followed with a 16.0 per cent, while the **Agriculture** sector accounted for 9.8 per cent. The **Construction** sector contributed 8.5 per cent, while the **Mining & quarrying** sector made up only 0.3 per cent (**Exhibit 4**).

Exhibit 4 MSMEs' Employment by Kind of Economic Activity for 2024-2025





MSMEs' LABOUR PRODUCTIVITY, 2025

MSMEs' labour productivity rose 4.1 per cent in 2025 to register a productivity value of RM85,299 per person (2024: RM81,931 per person). During the year, MSMEs' labour productivity growth was higher than national and Non-MSMEs', which posted an increase of 4.0 per cent, respectively. However, in terms of level, the MSMEs was consistently lower than Malaysia's (RM104,556 per person) and Non-MSMEs (RM122,818 per person) as shown in **Chart 5**.

Chart 5 Value and Annual Percentage Change of Labour Productivity for 2018-2025

Labour productivity (RM)



All sectors recorded higher productivity in 2025. The Construction sector posted the highest growth at 10.8 per cent (2024: 17.0%), followed by the Manufacturing sector with an increase of 4.8 per cent. The Mining & quarrying sector registered a growth of 4.7 per cent. Meanwhile, the Services and Agriculture sectors recorded respective increases of 3.5 per cent and 2.1 per cent, as compared to the previous year (**Exhibit 5**).

Exhibit 5 MSMEs' Labour Productivity by Kind of Economic Activity for 2024-2025

MSME's labour productivity (RM)	73,781	149,836	105,347	53,033	84,351
	72,229	143,169	100,539	47,867	81,516
2025 2024	 Agriculture	 Mining & quarrying	 Manufacturing	 Construction	 Services
Annual percentage change (%)	2.1	4.7	4.8	10.8	3.5
	3.7	3.0	3.6	17.0	3.8

PMKS | MSMEs 2025

JADUAL STATISTIK

STATISTICAL TABLES

2015 - 2025



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

JADUAL 1A KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa - RM Juta
TABLE 1A Malaysia's GDP by Kind of Economic Activity at Current Prices - RM Million

Jenis aktiviti ekonomi Kind of economic activity	Tahun / Year										
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^e	2025 ^p
Pertanian Agriculture	97,539	105,756	117,995	108,757	109,542	115,834	148,152	160,856	141,859	157,431	166,704
Perombongan dan pengkuarian Mining and quarrying	103,059	103,959	121,326	134,833	131,084	96,172	124,355	176,249	154,101	152,705	138,681
Pembuatan Manufacturing	262,379	272,396	299,797	311,676	323,862	315,360	361,826	418,898	419,963	434,851	447,113
Pembinaan Construction	55,382	61,089	66,552	70,048	71,067	57,657	55,654	60,824	65,895	78,096	86,897
Perkhidmatan Services	643,883	689,969	747,360	804,993	860,130	817,713	841,692	959,254	1,023,020	1,087,104	1,159,236
campur Duti import plus Import duties	14,699	16,529	19,280	17,453	17,053	15,755	17,023	18,812	20,487	23,021	26,748
